

07/03/1998

Hukuman Mahkamah Syariah diselaras (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Draf Enakmen Pentadbiran dan Hukum Islam yang dicadangkan tahun lalu, akan menyelaraskan semua hukuman mahkamah Syariah di seluruh negara termasuk jumlah denda dan tempoh penjara yang serupa.

Enakmen itu juga akan memastikan bidang kuasa Mahkamah Syariah di sesebuah negeri akan turut dikuatkuasakan di negeri lain.

Draf itu, yang dijadual dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Jun ini, digubal oleh pegawai agama dan penasihat undang-undang 14 negeri dengan kerjasama Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (Jakim), manakala Jabatan Peguam Negara menjadi penyelararas.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bersetuju dengan cadangan pokok dalam enakmen berkenaan dan mahu draf itu serta langkah penguatkuasaannya nanti diselaras di seluruh negara.

Perdana Menteri menyatakan demikian selepas mendengar taklimat mengenai penyeragaman undang-undang Islam, yang turut dihadiri oleh beberapa menteri Kabinet di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, memberitahu Berita Harian selepas taklimat itu, unsur utama dalam enakmen itu ialah penyelarasan bidang kuasa Mahkamah Syariah di sesebuah negeri.

Dengan itu, sebarang keputusan Mahkamah Syariah di sesebuah negeri turut berkuat kuasa di negeri lain.

Ketika ini, tertuduh di sebuah negeri yang lari ke negeri lain boleh bebas tanpa tindakan susulan yang boleh dibuat (bagi memastikan mereka tetap akan didakwa dan menerima hukuman yang ditetapkan).

"Oleh itu, kita menyeragamkan denda dan hukuman kerana rakyat akan keliru jika wujud perbezaan. Peguam Negara bersama penasihat undang-undang dan ahli-ahli agama negeri duduk semeja dan membincangkan soal ini... bentuk kesalahan, jumlah denda, hukuman... kalau semua setuju baru diterima.

"Sebelum ini, Peguam Negara tidak masuk campur. Kini ia menjadi penyelararas," katanya.

Penyelarasan undang-undang Islam di seluruh negara dicadangkan tahun lalu bagi memastikan pelaksanaan peraturan Islam diseragamkan di seluruh negara.

Undang-undang Islam dan pelaksanaannya yang berbeza antara negeri menimbulkan masalah kepada umat Islam di negara ini dari semasa ke semasa. Paling baru ialah kontroversi ekoran tangkapan dan dakwaan terhadap gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor tahun lalu.

Dr Abdul Hamid berkata, dua lagi aspek penyeragaman ialah memastikan pegawai mahkamah di setiap negeri mempunyai tahap kecekapan yang sama bagi memastikan wujud penyelarasan dari segi penguatkuasaan undang-undang dan penyelarasan prosedur di mahkamah syariah.

"Kita akan menyediakan kurikulum yang sama bagi latihan kecekapan pegawai," katanya sambil mengulangi jaminan bahawa kuasa agama di tangan sultan dan pihak berkuasa negeri tidak terjejas.

"Kita memberi keyakinan penyeragaman ini bermaksud undang-undang yang sama diguna pakai di negeri-negeri, bukan kita buat undang-undang dan semua mesti pakai," katanya.

Menurut beliau, jika garis panduan itu dipersetujui semua pihak, Peguam Negara akan membuat butiran lanjut dan merujuk kepada Sultan Perak yang mewakili Majlis Raja-Raja Melayu sebelum dibentangkan pada majlis berkenaan.

(END)